

Najib dikenakan perintah Mareva sekali lagi

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sekali lagi dikenakan perintah injunksi Mareva oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam menghalangnya daripada mengalih, melupus, mengendali atau mengurangkan nilai asetnya di dalam negara sehingga berjumlah RM42 juta.

Pesuruhjaya Kehakiman Datuk Mohd. Arief Emran Arifin memutuskan demikian selepas membenarkan permohonan SRC International Sdn. Bhd. dan anak syarikat Gandingan Mentari Sdn. Bhd. yang difailkan pada 9 Februari lalu.

Prosiding yang sebelum ini dijadualkan untuk keputusan pada 27 April ini dihadiri peguam M. Nagarajah, Syafinaz Vani, Clement Tay dan Lisa Yong bagi pihak SRC International dan Gandingan Mentari.

Najib diwakili barisan peguam Harvinderjit Singh, Muhammad Farhan Shafee, Nur Syahirah Hanapiah, Harvinder Singh Sidhu dan Thilagan Mehanathan.

Pada 8 Februari lalu, Mahkamah Tinggi di sini yang berlainan telah membenarkan permohonan injunksi mareva sebelah pihak yang dipohon oleh 1Malay-



NAJIB Tun Razak (kiri) ketika keluar dari Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur semalam berhubung perbicaraan kes pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1MDB. - UTUSAN/ FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR

sia Development Berhad (1MDB) dan anak syarikatnya, Global Diversified Investment Company Limited (sebelum ini dikenali sebagai 1MDB Global Investments Limited), membabitkan aset bernilai AS\$681,000,000.

Pada 18 Februari lalu, Najib

telah memfailkan permohonan untuk membatalkan perintah injunksi Mareva yang diperoleh 1MDB dan anak syarikatnya dan permohonan terbabit ditetapkan untuk pendengaran pada 6 Mei ini.

SRC International merupakan

syarikat subsidiari 1MDB.

Menurut perintah yang dikeluarkan hari ini, Ahli Parlimen Pekan itu menghalangnya daripada mengalih, melupus, mengendali atau mengurangkan nilai asetnya di dalam dan luar negara sehingga RM42 juta.